



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4  
Tarikh : 12 Mac 2026

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 8/2026**

**Semua Dekan/Pengerusi/Ketua Pusat/Jabatan/Program**

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Fakulti Sains Kesihatan  
Fakulti Undang-Undang  
Fakulti Pengajian Islam  
Fakulti Pendidikan  
Fakulti Farmasi  
Pusat Pengajian Citra Universiti

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan Akhir Prasiswazah  
Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa minggu Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 akan diadakan mulai **6 hingga 26 Julai 2026**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.

3. Sehubungan itu, dimohon jasa baik YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan mendapatkan kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat **Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan** melalui **SMPWeb** (<https://www.ukm.my/smpweb>).

4. Garis panduan untuk mengisi **Maklumat Keperluan Peperiksaan** adalah seperti berikut:

- (i) Urusan pengesahan borang maklumat keperluan Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 boleh dibuat mulai **9 Mac hingga 3 April 2026**.

...2/-



- (ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPWeb**. **Untuk makluman, jumlah soalan maksimum yang dibenarkan untuk borang OMR adalah 125 soalan SAHAJA.**
- (iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh masa peperiksaan kepada tempoh masa berikut bagi memudahkan penyelarasan penjadualan peperiksaan:
- a. 1 jam
  - b. 1 jam 30 minit
  - c. 2 jam
  - d. 2 jam 30 minit
  - e. 3 jam
- (iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelaras kursus.
- (v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklumkan kepada Sekretariat Prasiswazah Fakulti/Pusat masing-masing.
- (vi) Pihak Fakulti/Pusat juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.
5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan boleh berhubung:
- (i) **Unit Peperiksaan dan Pengijazahan** menerusi e-mel: [peperiksaanpra.akad@ukm.edu.my](mailto:peperiksaanpra.akad@ukm.edu.my) dan
  - (ii) **Urusan Teknikal** menerusi e-mel [smpweb@ptm.ukm.my](mailto:smpweb@ptm.ukm.my)
6. Pihak AKADEMIK UKM juga ingin menggalakkan pensyarah menggunakan kemudahan peperiksaan atas talian kerana Dewan Gemilang akan membuat pengubahsuaian dalam masa terdekat dan dijangka mengambil masa selama 1 tahun (Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 dan Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027).

Segala perhatian dan kerjasama pihak Fakulti/Pusat bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini berjalan dengan lancar adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

...3/-



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451  
E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Yang benar,




**PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k. - Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
  - Pengarah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
  - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)  
Pusat Pengurusan Akademik
  - Ketua Pentadbiran  
Fakulti/Institut/Pusat
  - Semua Pegawai Tadbir (Prasiswazah dan Pascasiswazah)  
Fakulti/Institut/Pusat

-3-



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451  
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik